



KENYATAAN MEDIA

PENGUMUMAN FASA PERALIHAN RANGKA KERJA PELAN PEMULIHAN KEBANGSAAN COVID-19

Bandar Seri Begawan, Selasa, 9 November 2021

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri sukacita memaklumkan mengenai pengemaskinian Fasa Peralihan (*Transition Phase*) di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 yang akan bermula sedikit masa lagi.

Sebagaimana kita maklum pada tahun lepas, Negara Brunei Darussalam telah berhadapan dengan satu wabak penyakit yang baharu dan tidak diketahui iaitu COVID-19, di mana kita semua tidak mempunyai dinding pertahanan atau tiada imuniti dalam menghadapi wabak ini. Namun, berkat kerjasama semua pihak, kita telah berjaya mengawal rantai penularan wabak dengan strategi *Zero-COVID* dengan pelaksanaan langkah-langkah pengawalan yang ketat bagi mengembalikan kehidupan kita seperti sedia kala dengan melaksanakan garis panduan kesihatan tertentu.

Kemudian pada 7 Ogos 2021, timbul kes-kes tempatan pertama setelah 457 hari tanpa sebarang kes tempatan COVID-19 yang mengakibatkan terjadinya gelombang kedua pandemik di negara ini sehinggalah ke hari ini. Pada waktu itu, langkah-langkah pengawalan telah diperketatkan semula sebagai respon untuk mengawal wabak ini daripada terus merebak, manakala Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 masih berada dalam peringkat awal dan bekalan vaksin adalah terhad dalam memberikan suntikan vaksin kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Meskipun kita telah mematuhi segala prosedur operasi standard (*Standard Operating Procedures – SOPs*), kita telah menyaksikan kes-kes positif harian yang tidak stabil dengan peningkatan kes dari sehari ke sehari; varian Delta COVID-19 telah meletakkan kita dalam situasi yang berbeza daripada tahun lepas, di mana varian ini sangat mudah menjangkiti dan merebak dengan cepatnya, serta menyebabkan gejala yang lebih teruk kepada para pesakit, di mana rata-ratanya belum divaksinasi atau menerima satu (1) dos vaksin sahaja.

Menyedari akan Varian Delta ini mudah berjangkit, kita telah menukar strategi kita daripada *zero-COVID* kepada usaha-usaha menjadikan negara kita terlindung dari COVID-19. Justeru itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan



Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mempertingkatkan usaha untuk mempercepat peningkatan perlindungan melalui vaksinasi dengan mendapatkan bekalan vaksin yang mencukupi. Melalui vaksin ini, kita telah membukakan lebih banyak pusat vaksinasi di seluruh negara demi memastikan 80% daripada jumlah penduduk negara ini melengkapkan dua (2) dos suntikan vaksinasi sebelum penghujung tahun 2021.

Suntikan vaksinasi telah menampakkan perbezaan yang besar daripada tidak mendapat suntikan. Menurut pakar-pakar perubatan di seluruh dunia, suntikan vaksinasi – secara saintifiknya – adalah selamat dan efektif serta merupakan cara yang terbaik untuk kita menangani wabak COVID-19 terutama sekali meningkatkan imuniti, mengurangkan risiko jangkitan dan kemasukan ke hospital, *Insyaa Allah*. Keberkesanan strategi vaksinasi ini dapat dicapai jika garis panduan dan dasar kerajaan terus dipatuhi dan ini jelas kita lihat daripada negara-negara jiran kita dalam mencapai matlamat mereka untuk memberikan suntikan vaksinasi terhadap rakyatnya sekaligus mula melonggarkan sekatan-sekatan pergerakan.

Walau bagaimanapun, negara kita mengambil sedikit masa untuk pulih daripada pandemik dan kita telah menyaksikan peningkatan kes-kes jangkitan harian meskipun Program Vaksinasi Kebangsaan sudah dijalankan. Oleh sebab ini, "Operasi Pulih" telah dilaksanakan sebagai langkah tambahan dalam mengawal wabak COVID-19 daripada terus merebak seperti arahan untuk berada dalam rumah dari jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi. Selain itu, isu-isu yang timbul seperti penyeludupan melalui "jalan tikus" dan kluster tempat tinggal pekerja asing sedang ditangani oleh jawatankuasa khas bagi objektif jangka panjang. Namun sejak akhir-akhir ini, Alhamdulillah, kadar nilai-nilai sukatan *epidemiology* berada di tahap yang stabil, termasuk data kadar jangkitan seperti *Effective Reproductive Number (Rt)* yang menurun serta *doubling time* yang semakin panjang serta jumlah pesakit-pesakit yang kritikal (Kategori 4 dan 5) tidak menunjukkan peningkatan dan dapat dikawal.

Sejak langkah-langkah pengawalan diperketatkan semula pada gelombang kedua ini, kita telah menghadapi pelbagai cabaran termasuk tekanan psikologi dan emosi, kesihatan mental, bergelut dengan pembelajaran dalam talian, isu-isu pekerjaan, kebajikan, perniagaan dan ekonomi terjejas, malah berjauhan daripada anggota keluarga.

Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengumumkan Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 pada 25 Oktober 2021, yang antara lainnya mempunyai matlamat bagi pelaksanaan sukat-sukat peralihan yang selamat dan situasi yang stabil dengan gangguan yang minima kepada aktiviti harian masyarakat, sepertimana kita hadapi sebelum ini semasa wabak penyakit Influenza H1N1 pada tahun



2009. Selain itu, rangka kerja ini juga akan dapat membantu pemulihan ekonomi dan perniagaan, serta menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini yang terjejas akibat COVID-19.

Sebagaimana kita semakin mencapai sasaran 70%, di sinilah akan bermula Fasa Peralihan iaitu satu fasa di mana langkah-langkah pengawalan yang telah dilaksanakan sebelum ini akan mula dikurangkan secara berperingkat. Pengurangan sekatan-sekatan ini akan dilaksanakan mengikut garis panduan yang disesuaikan yang bertujuan untuk mengawal lebih baik serta mengelakkan kesan jangkitan yang teruk melalui pelaksanaan strategi-strategi seperti program pemberian vaksin penggalak atau *booster vaccination*; dan pembukaan premis-premis dengan kapasiti yang terhad dan keutamaan kepada individu-individu yang sudah menerima vaksinasi lengkap.

Semasa Fasa Peralihan ini, kita hendaklah sentiasa bekerjasama dan berjaga-jaga dalam mematuhi dasar, undang-undang dan garis panduan yang telah ditetapkan dalam sama-sama mengawal COVID-19, di samping memastikan pihak keselamatan untuk terus membuat pemantauan terhadap sebarang pelanggaran SOP. Ini kerana kajian telah mendapati bahawa virus ini tidak akan dapat dihapuskan dan akan merebak sekali lagi dengan cepat jika kita tidak patuh dengan arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

Berdasarkan kepada pengalaman negara-negara lain yang menghadapi gelombang-gelombang baharu selepas melonggarkan sekatan, mereka telah menyaksikan lonjakan kes dan sistem penjagaan kesihatan menghadapi tekanan. Kita hendaklah mengambil iktibar daripada situasi begini dan perlulah bersiap sedia dari segala kemungkinan pada masa akan datang. Oleh itu, orang ramai adalah diingatkan untuk tidak leka dan segala usaha kita akan menjadi sia-sia kalau orang ramai tidak memikul tanggungjawab mereka dalam mematuhi peraturan-peraturan ditetapkan, manakala sektor kerajaan dan swasta hendaklah terus mengadaptasikan norma baharu dengan mengutamakan kesihatan para pekerja dan pada masa yang sama meneruskan produktiviti dalam bekerja.

Jika semua perkara berjalan dengan lancar, barulah kita boleh membuat persiapan untuk beralih kepada Fasa Endemik, tertakluk kepada data-data yang dianalisa semasa Fasa Peralihan ini. Ini semua merupakan cara penyelesaian yang terbaik bagi kita dalam memerangi wabak COVID-19 di negara ini, di mana setentunya tidak ada penyelesaian yang sempurna di seluruh dunia. Walaupun kita tidak boleh menghapuskan virus ini, namun kita hendaklah menyesuaikan diri untuk belajar hidup dengan virus ini pasca pandemik COVID-19 nanti supaya kita akan dapat menerapkan norma baharu dalam kehidupan seharian.



PENGUMUMAN FASA PERALIHAN

Oleh itu, dengan bertawakkal kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*, Fasa Peralihan akan bermula sebaik sahaja kita mencapai liputan vaksinasi penuh 70% daripada jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu pada hari Juma'at, 19hb November 2021, bagi perkara-perkara berikut:

- Pembukaan pejabat-pejabat Kerajaan bagi pegawai dan kakitangan yang telah melengkapkan vaksinasi – mengikut waktu pejabat sementara yang dikuatkuasakan pada masa sekarang iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang dan membuat ujian saringan *Antigen Rapid Test (ART)* secara berkala – setiap 2 minggu;
- Pembukaan masjid, surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, iaitu bagi individu yang telah melengkapkan vaksinasi mereka, dan had keramaian adalah tertakluk kepada jumlah yang sesuai mengikut penjarakan fizikal;
- Perkumpulan ramai di tempat-tempat awam, termasuk fasiliti kesukanan dan pembukaan premis-premis perniagaan seperti restoran, kafe, *foodcourts*, panggung wayang, arked, taman permainan tertutup (*indoor playground*), premis-premis kecantikan (seperti salon dan kedai gunting), pasar dan tamu semasa Fasa Transition adalah dibenarkan bagi individu-individu yang telah melengkapkan vaksinasi mereka, dan dihadkan kepada 50% kapasiti tempat atau tidak lebih dari 200 orang (yang mana lebih rendah) di mana had ini juga dikenakan kepada tempat-tempat ibadat bagi agama lain. Pihak pengurusan adalah juga dikehendaki mematuhi garis panduan atau SOP seperti berikut:
 - a. Mengemaskinikan senarai pekerja dalam aplikasi Bruhealth dan memastikan pekerja-pekerja mereka juga telah melengkapkan vaksinasi mereka;
 - b. Premis-premis adalah dikehendaki mendaftar QR kod masing-masing di dalam BruHealth dengan had kapasiti masing-masing – premis-premis tidak dibenarkan menerima pelanggan setelah mencapai had 50 peratus kapasiti tersebut;
 - c. Pemilik premis hendaklah memastikan semua individu yang memasuki premis mengimbas aplikasi Bruhealth mereka sebelum memasuki premis mereka (termasuk semua pekerja/kakitangan/ sukarelawan);



- d. Pemilik premis untuk memastikan hanya individu yang mempunyai kod Bruhealth hijau dan kuning dibenarkan masuk;
 - e. Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja/kakitangan/sukarelawan yang layak diberi vaksin telah divaksin sepenuhnya; dan
 - f. Penggunaan sungkup muka (kecuali ketika makan atau minum), penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1.5 meter, pemantauan kesihatan diri dan ujian ART berkala, serta memastikan premis mempunyai pengudaraan yang mencukupi.
- Perkumpulan di rumah-rumah persendirian semasa fasa ini adalah dibenarkan bagi individu-individu yang telah melengkapkan vaksinasi mereka, dan dihadkan kepada 10 ke 30 orang sahaja (tertakluk kepada saiz tempat kediaman);
 - Pembukaan sebahagian sekolah-sekolah bagi individu-individu yang telah melengkapkan vaksinasi mereka - dan membuat ujian saringan *Antigen Rapid Test (ART)* secara berkala – setiap 2 minggu iaitu:
 - 1- Institusi pengajian tinggi;
 - 2- Sekolah teknikal dan kemahiran; dan
 - 3- Sekolah memandu;
 - Bagi yang tidak dapat mendapatkan vaksinasi atas sebab kesihatan (*medically-exempted*) – adalah tidak dibenarkan memasuki mengunjungi premis di atas;
 - Syarat vaksinasi mandatori adalah dilaratkan kepada tenaga pengajar, pekerja-pekerja persekolahan lain (*non-teaching staff*), petugas dan penjaga di sekolah-sekolah, pusat penjagaan kanak-kanak, pelatih-pelatih dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mereka yang mempunyai sebab-sebab kesihatan seperti alahan akan dikecualikan daripada syarat ini iaitu berdasarkan pengesahan perubatan yang diberikan.

Sementara itu, perancangan dan persiapan pembukaan sekolah adalah masih di dalam penelitian Jawatankuasa Pandu, dengan mengambilkira aktiviti Program Vaksinasi Kebangsaan masih dijalankan bagi remaja di peringkat umur 12-17 tahun dan kanak-kanak di bawah 12 tahun masih belum divaksinasi. Tatacara pelaksanaan pembukaan sekolah, pusat penjagaan kanak-kanak dan institusi



pengajian lain akan diumumkan pada satu tarikh akan datang iaitu sebaik saja Jawatankuasa Pandu COVID-19 selesai meneliti perancangannya; dan

- Setiap premis yang dibenarkan untuk dibuka semasa Fasa Peralihan ini adalah dikehendaki untuk mematuhi semua garis panduan dan SOP yang saya nyatakan tadi.

TEMPOH INTERIM SEBELUM FASA PERALIHAN

- Sementara menunggu tarikh pelaksanaan Fasa Peralihan pada 19 November 2021, "Operasi Pulih" akan dilanjutkan selama empat (4) hari lagi bermula Isnin, 15 November 2021 sehingga Khamis, 18 November 2021 iaitu arahan untuk berada di rumah dari jam 8.00 malam sehingga 4.00 pagi.
- Kemudian apabila kita memasuki Fasa Peralihan, "Operasi Pulih" akan dikenali sebagai "Operasi Peralihan" iaitu bermula 19 sehingga 30 November 2021, yang mana tempoh masanya akan dipendekkan dari jam 10.00 malam sehingga 4.00 pagi. Ini mengambil kira pembukaan premis-premis dalam Fasa Peralihan sekaligus akan dapat membantu meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan semua di samping untuk memastikan keadaan COVID-19 yang semakin stabil dapat diteruskan.

Sebagai langkah keselamatan, setentunya perancangan pembukaan-pembukaan ini juga merangkumi keperluan untuk memastikan segala SOP diteruskan seperti penjarakan fizikal, kapasiti yang dihadkan, pemakaian sungkup muka, menjaga kebersihan, penggunaan aplikasi BruHealth, malah penggunaan ART adalah digalakkan sebelum memasuki premis-premis. Di samping itu, pihak Kerajaan juga akan terus memikirkan pelan-pelan kontigensi bagi apa jua musibah pada masa hadapan.

Dengan pengumuman ini dihasratkan dapat memberikan masa kepada pihak-pihak berkepentingan dalam membuat persediaan logistik sebelum bermulanya pemulihan-pemulihan yang telah ditetapkan, khususnya dalam memastikan pematuhan SOP dan garis panduan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19.

Oleh itu, marilah kita sama-sama mendokong hasrat kerajaan untuk menjayakan Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 ini yang merupakan pada landasan yang betul untuk membawa negara ini keluar daripada keadaan pandemik kepada endemik. Pemulihan negara adalah tanggungjawab kita bersama, di mana peranan orang awam merupakan faktor kritikal dalam menjayakan apa jua strategi Kerajaan.



Individu-individu yang sudah mencapai masa untuk mendapatkan dos kedua adalah dinasihatkan untuk mendapatkannya secepat mungkin untuk sama-sama membantu negara menjangkau sasaran 70% penduduk melengkapkan dua dos vaksinasi dalam masa yang terdekat. Sebagai persediaan seterusnya bagi pelaksanaan Fasa Endemik iaitu apabila kadar vaksinasi lengkap COVID-19 mencapai 80%, Jawatankuasa Pandu sedang meneliti cadangan untuk mengenakan bayaran ujian ART bagi individu-individu yang tidak melengkapkan vaksinasi mereka tetapi berniat untuk memasuki mana-mana premis kerajaan dan perniagaan di negara ini.

Di kesempatan ini, kerjasama agensi-agensi kerajaan dan swasta, badan-badan bukan kerajaan, pihak-pihak berkepentingan termasuk sukarelawan dan orang awam adalah sangat dihargai dan tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada semua yang bertugas di barisan hadapan (*frontliners*) atas pengorbanan mereka selama ini dalam membantu negara dalam memerangi wabak ini. Semoga jasa baik abiskita semua akan mendapat balasan setimpal daripada Allah *Subhanahu Wata'ala. Amin ya rabbal 'alamin.*

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

3 Rabiulakhir 1443
9 November 2021